

KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**

**PEPERIKSAAN
KURSUS PENGAJIAN AL-HADITH**

MODUL IV

HADITH DAN ISU SEMASA

JANUARI 2019

MASA : 1 JAM



JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

- 1. Kertas soalan ini mengandungi **dua (2)** soalan. Setiap soalan mempunyai **25 markah**.*
- 2. Jawab **satu (1)** soalan sahaja.*
- 3. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi **3** halaman yang bercetak

**[Lihat Halaman Sebelah
SULIT**

Soalan Pertama

Daripada Ibn 'Abbas r.a, berkata;

لَعَنَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُحَنَّثِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالْمُتَرَجِّجَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَقَالَ
أَخْرَجُوهُمْ مِنْ بُيُوتِكُمْ وَأَخْرَجَ فُلَانًا وَأَخْرَجَ عُمَرُ فُلَانًا

Terjemahan: "Nabi s.a.w mengutuk (melaknat) lelaki yang bersifat kewanitaan dan wanita yang bersifat kelakian, dengan sabdanya: "Keluarlah mereka daripada rumah-rumah kamu." Ibn Abbas menambahkan lagi: "Maka Nabi s.a.w telah mengeluarkan si fulan, dan Umar juga telah mengeluarkan si fulan." (HR al-Bukhari dan Ahmad)

- (1) Jelaskan tindakan Nabi SAW dan para Sahabat terhadap golongan *transgender* seperti mana dijelaskan dalam hadith.
- (2) Pada pandangan anda, apakah tindakan terbaik dan sesuai dalam membendung dan merawat keberadaan golongan *transgender* dalam kalangan masyarakat kita pada hari ini?

(25 markah)

Soalan Kedua

Daripada Jabir r.a. daripada Nabi SAW bersabda;

لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأَ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Terjemahan: "Setiap penyakit itu ada ubatnya. Apabila ditemui ubat bagi sesuatu penyakit itu, sembuhlah ia dengan izin Allah Azza wa Jalla". (Hadith Riwayat Muslim)

Dalam hadith menyatakan bahawa Allah SWT yang akan memberikan atau mengizinkan kesembuhan terhadap sesuatu penyakit kepada hamba-hambaNya.

- (1) Jelaskan maksud ikhtiar mencari kesembuhan penyakit dan apakah hukum berubat atau berikhtiar tersebut?
- (2) Pada pandangan anda, bagaimana Islam memandang sesuatu penyakit yang ditimpa oleh seseorang Muslim? Adakah ia bala atau ujian? Bincangkan.

(25 Markah)

KERTAS SOALAN TAMAT